



**PEKELILING SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
BILANGAN 1 TAHUN 2008**

**PERMOHONAN PELANTIKAN TETAP KE JAWATAN
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH
DAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA
SECARA SEPANJANG MASA**

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
MALAYSIA**



**PEKELILING SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
BILANGAN 1 TAHUN 2008**

**PERMOHONAN PELANTIKAN TETAP KE JAWATAN
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH
DAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA
SECARA SEPANJANG MASA**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk mempelawa calon di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengemukakan permohonan untuk dilantik ke jawatan tetap sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) seperti berikut:
 - (a) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41; dan
 - (b) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) Gred DGA29.

PERMOHONAN KE GRED DG41

2. Calon yang layak memohon adalah seperti berikut:

- (a) Guru Sandaran Terlatih Siswazah yang belum mengemukakan permohonan lantikan tetap. Kategori ini termasuk calon yang berkhidmat di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK);
- (b) PPPLD atau Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) yang telah memiliki kelayakan ijazah dan diberi penempatan semula; dan
- (c) PPPLD atau PPPBS yang telah memiliki kelayakan ijazah secara Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) yang telah diberi persetujuan penempatan oleh KPM.

PERMOHONAN KE GRED DGA29

3. Calon yang layak memohon ialah Guru Sandaran Terlatih Lulusan Diploma yang belum mengemukakan permohonan lantikan tetap. Kategori ini termasuk calon yang berkhidmat di SABK.

SYARAT LANTIKAN

4. Calon hendaklah memenuhi **syarat lantikan** di bawah Skim Perkhidmatan seperti di [LAMPIRAN A](#) bagi PPPS Gred DG41 dan [LAMPIRAN B](#) bagi PPPLD Gred DGA29.

TARAF JAWATAN

5. Taraf jawatan adalah **tetap**.

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT PERKHIDMATAN

6. Calon yang memasuki perkhidmatan PPPS dan PPPLD adalah tertakluk kepada syarat perkhidmatan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

7. Permohonan bagi calon di para 2 dan 3 hendaklah dikemukakan **secara e-Permohonan** melalui laman web Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, <http://www.spp.gov.my>.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

8. Ketua Jabatan di semua peringkat pentadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia adalah diminta menghebahkan kandungan pekeliling ini dan memberi kerjasama kepada calon untuk membuat permohonan.

TANGGUNGJAWAB CALON

9. Calon hendaklah mengemukakan permohonan setelah memenuhi syarat lantikan. **Kelewatan mengemukakan permohonan akan menjejaskan tarikh lantikan.**
10. Calon yang memiliki Diploma Pendidikan secara Kursus Perguruan Lepas Ijazah dari Institut Perguruan boleh menggunakan keputusan akhir peperiksaan untuk memohon.

PERINGATAN

11. Hanya calon yang mengemukakan permohonan yang lengkap sahaja akan **dipanggil temu duga.**

12. Calon yang mengemukakan maklumat palsu akan dikenakan tindakan mengikut Akta Suruhanjaya Perkhidmatan 1957.

TARIKH KUATKUASA

13. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(DATO' WAN KHAZANAH BINTI ISMAIL)

Setiausaha

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia
Putrajaya

Tarikh : Mei 2008

Edaran kepada:

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

s.k:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Perkhidmatan
Aras 6-7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA

Setiausaha
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 1-5, Blok E12, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Pengarah
Bahagian Pendidikan Guru
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 2-6, Blok E13, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Pengarah
Bahagian Sekolah
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 3&4, Blok E2, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Pengarah
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 10-12, Blok E12, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir Sekolah
Aras 3-6, Blok E15, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Semua Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri

Ketua Pegawai Pentadbir
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
Urus Setia Cawangan Sabah
Aras 1, Blok A
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Peti Surat 11359, Jalan UMS
88450 KOTA KINABALU

Ketua Pegawai Pentadbir
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
Urus Setia Cawangan Sarawak
Tingkat Bawah, Wisma Hong
No. 202, Batu 2 ³/₄, Jalan Rock
93200 KUCHING